

24 JUN 1997

Mahathir-Hungary

MALAYSIA DAN HUNGARY BOLEH BANTU NEGARA-NEGARA BALKAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Wan A. Hulaimi

BUDAPEST, 24 Jun (Bernama) -- Kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk ke Asia Tenggara dan Hungary ke negara-negara Balkan dapat menyumbang ke arah kerjasama bagi faedah bersama kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Isnin.

Minat Hungary untuk mengeksport dan menyertai dalam pembangunan ekonomi Asia Tenggara boleh dilaksanakan menerusi Malaysia sebagai pintu masuk ke rantau itu, katanya pada persidangan berita bersama rakan sejawatannya dari Hungary Gyula Horn selepas perbincangan selama 90 minit.

Dr. Mahathir, yang kini bercuti selama dua bulan, tiba di sini Isnin dari London untuk lawatan dua harinya itu.

Hungary, sebuah negara yang mempunyai sumber tenaga pakar tetapi menghadapi masalah inflasi dan pengangguran yang tinggi berhasrat untuk mengukuhkan ekonominya menerusi hubungan strategik dengan negara-negara seperti Malaysia dan meraih pasaran baru meningkat di Asia Tenggara.

Rancangan Malaysia untuk menyertai program pembangunan semula Bosnia-Herzegovina dapat dijayakan menerusi usahasama dengan Hungary yang menjadi laluan penting ke Balkan selain menimba kepakaran teknologi dan kemahiran tenaga manusia negara itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah ditawarkan banyak projek di Bosnia, terutama dalam pembinaan lapangan terbang, komunikasi dan pengangkutan.

Mengenai peluang-peluang di Bosnia ini, katanya walaupun Malaysia belum mengikat kontrak mengenainya tetapi menerusi projek-projek itu Malaysia boleh bekerjasama dengan Hungary kerana kedudukannya yang berhampiran dengan rantau itu selain kemahiran tenaga kerjanya.

"Pada masa ini, aspek pembiayaan projek-projek itu sedang diteliti," kata Perdana Menteri.

Terdahulu itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Hasrat untuk kerjasama bersama antara Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan Interpark, program teknologi maklumat Hungary.

"Saya berharap kerjasama ini dapat melahirkan minat meluas dari kalangan syarikat-syarikat multimedia dan juga membantu kedua-dua negara dalam bidang ini pada masa hadapan," katanya.

Jumlah pemenang hadiah nobel dari Hungary dalam bidang kimia, fisiologi, fizik dan perubatan sejak 1905 tidak seimbang dengan jumlah penduduk negara itu yang kini lebih sedikit daripada 10 juta orang.

Malaysia kini meninjau sumber ahli sains dan tenaga mahir yang boleh ditawarkan Hungary untuk mengadakan program usahasama dan usaha perkongsian teknologi dalam pembinaan infrastruktur selain bidang teknologi maklumat.

Mengenai MSC, Dr Mahathir berkata walaupun banyak negara mempunyai rancangan serupa, bagaimanapun usaha Malaysia adalah paling luas dan menyeluruh.

Ketika ditanya mengenai permintaan Hungary untuk mendapatkan bantuan Malaysia dalam program penswastakan negara itu, beliau berkata: "Malaysia yang berpengalaman menswastakan dengan jayanya lebih daripada 400 agensi kerajaan, bersedia meneliti bidang pengangkutan, termasuk pengangkutan udara dan sungai, di Hungary."

Selepas persidangan berita itu, Dr Mahathir melawat bangunan East-West Trade Centre dan merasmikan bank milik Malaysia International Commercial Bank di bangunan itu.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir menghadiri jamuan malam yang diadakan Gyula Horn untuk beliau dan rombongannya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng

Ding menandatangani memorandum mengenai kerjasama saintifik antara kedua-dua negara.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum persidangan berita Perdana Menteri, Law berkata sebuah suruhanjaya bersama Sains dan Teknologi telahpun dibentuk untuk melaksanakan kerjasama itu.

Pada Sabtu lepas, Law mengadakan pertemuan dengan para saintis Hungary di sini membincangkan bidang-bidang potensi kerjasama terutama berhubung perusahaan dan berasaskan pasaran. Antaranya ialah penyelidikan bersama dalam bidang farmaseutikal.

Serombongan ahli sains Hungary akan melawat Malaysia pada Oktober ini untuk membincangkan lebih lanjut mengenai perjanjian baru berhubung kerjasama saintifik dan teknologi.

Usaha Dr Mahathir untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai MSC akan berterusan Selasa apabila beliau berucap kepada 500 wakil perniagaan Hungary di 20 Bangunan Parlimen selepas perbincangan dengan speaker Dewan Perhimpunan Kebangsaan Zoltan Gal.

Dr Mahahir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali akan berlepas ke London pada sebelah petang Selasa. -- BERNAMA

WAH AHH